

28/11/1997

16 persatuan seni ikrar sokong PM

Akmal Abdullah

ENAM belas persatuan yang menaungi karyawan seni tanah air termasuk dua badan penulisan peringkat nasional menandatangani satu deklarasi bersama menyokong kepemimpinan negara dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, petang semalam.

Deklarasi yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, dibuat berikutan rasa tidak puas hati atas cubaan pencabulan kedaulatan negara oleh pihak luar, khususnya tindakan 34 anggota Kongres Amerika Syarikat yang meminta Dr Mahathir meletak jawatan.

Majlis yang dihadiri lebih 150 orang itu turut menyaksikan buat pertama kalinya 15 persatuan karyawan di Malaysia bergabung dalam usaha menyuarakan sokongan padu dan berikrar untuk terus menyokong Perdana Menteri.

Setiap persatuan diwakili presiden dan wakil masing-masing menandatangani deklarasi itu di atas sehelai kain yang tercatat sokongan tidak berbelah bagi terhadap kepemimpinan Dr Mahathir.

Deklarasi itu membabitkan Persatuan Seniman Malaysia (Seniman) ditandatangani Presidennya, Datuk Ismail Hutson; Persatuan Pengeluar Filem Malaysia (PPFM) - Datuk Jins Shamsuddin; Majlis Muzik Malaysia (MMM) - Ali Bakar; Gabungan Penulis Nasional Malaysia (Gapena) - Hamzah Hamdani, Persatuan Penganjur Hiburan Secara Langsung Malaysia (Malep) - Mike Bernie Chin; Musicians Union of Malaysia (MUM) - Julie Sudiro.

Persatuan Penyanyi, Pemuzik & Penulis Lagu Tanah Air (Papita) - A Rahman Hassan; Recording Industries Association of Malaysia (RIM) - Tony Fernandez; Persatuan Akademi Industri Muzik Malaysia (PAIMM) - Freddie Fernandez; Ambang Klasik Sdn Bhd (AKSB) - Fauzan Uda Ahmad.

Gabungan Persatuan Karyawan Filem Malaysia (Gafim) - Othman Hafsham; Persatuan Sutradara Malaysia (FDAM) - Shuhaimi Baba; Persatuan Pekerja-Pekerja Filem Malaysia (PPPFM) - Zainal Osman; Persatuan Syarikat-Syarikat Pos Produksi Dan Animasi Malaysia (Postam) - Khairuddin Othman; Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM) - Azman Ujang dan Music Authors' Copyright Protection Berhad (MACP) oleh Chan Miew Lan.

Selepas majlis menandatangani itu, tepukan gemuruh diberikan oleh semua pihak yang hadir sebagai tanda sokongan padu termasuk di kalangan penyanyi baru dan popular, pelakon, komposer, wakil syarikat rakaman, wartawan dan pengarah filem.

(END)